

## **KEMPEN PB JOURNEY JUNIOR SAVERS TERMA DAN SYARAT**

Kempen PB Journey Junior Savers (“Kempen”) ini dilancarkan oleh Public Bank Berhad No. Pendaftaran 196501000672 [6463-H] (“PBB”). Terma dan syarat yang berikut mengawal Kempen ini yang ditawarkan kepada Peserta yang Layak, seperti yang ditakrifkan selepas ini:-

### **1. Tempoh Kempen**

- 1.1 Kempen ini akan berlangsung dari **1 Disember 2020 hingga 31 Mac 2021** [termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”)].
- 1.2 Kempen ini boleh didapati di semua cawangan PBB di Malaysia.

### **2. Kelayakan**

- 2.1 Kempen ini terbuka kepada semua Pemegang Akaun Simpanan WISE di bawah umur 18 tahun (“Kanak-kanak”) yang mana ibu atau bapa/penjaga mereka akan mengambil bahagian bagi pihak Kanak-kanak (“Peserta yang Layak”).

Untuk mengelakkan keraguan, Peserta yang Layak ialah ibu/bapa/penjaga Kanak-kanak yang berkenaan.

- 2.2 Mereka yang berikut **TIDAK** layak untuk mengambil bahagian bagi pihak Kanak-kanak dalam Kempen ini:
  - a) Kakitangan tetap dan/atau kontrak PBB, subsidiarinya dan/atau syarikat yang berkaitan dan ahli keluarga terdekat mereka (termasuk suami/isteri, anak-anak dan ibu bapa mereka);
  - b) Akaun bukan individu iaitu keempunyaan tunggal, perkongsian, entiti korporat, persatuan, kelab, sekolah dan pertubuhan;
  - c) Orang yang tidak waras;
  - d) Orang yang telah diisytiharkan bankrap atau mempunyai prosiding guaman dalam apa jua bentuk terhadapnya; dan
  - e) Orang yang akaunnya yang dipegang dengan PBB culas atau tidak disenggara dengan memuaskan seperti yang ditetapkan oleh PBB.

### 3. Mekanisme Kempen

3.1 Produk yang Layak dalam Kempen ini adalah seperti yang berikut:

Bil.	Produk yang Layak
1	Akaun Simpanan WISE (WISE)*
2	Deposit Tetap PLUS (PLUS FD)*
3	empower 2 <sup>#</sup> / empower Edu 2 <sup>#</sup> / PB Max Advantage <sup>^</sup> (Produk Insurans yang Layak)

\* Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

# Pelan Insurans Berkaitan Pelaburan Premium Biasa yang ditaja jamin oleh AIA Berhad (“AIA”).

<sup>^</sup> Pelan Insurans yang Tidak Mengambil Bahagian dengan Ciri-ciri Berkaitan Pelaburan yang ditaja jamin oleh AIA.

3.2 Peserta yang Layak dikehendaki membuka atau mengekalkan WISE untuk layak mendapat yang berikut:-

- a) **Kadar Faedah Promosi PLUS FD selama 6 bulan;** dan/atau
- b) **rebat tunai** untuk premium tahun pertama bagi Produk Insurans yang Layak.

3.3 Peletakan deposit dan pendaftaran Produk Insurans yang Layak di bawah Kempen ini mesti dibuat di cawangan pemegang akaun WISE.

### 4. Kadar Faedah Promosi PLUS FD selama 6 bulan

4.1 Peserta yang Layak dikehendaki membuat peletakan deposit dalam PLUS FD dan WISE pada kadar 90 : 10.

4.2 Peletakan dalam PLUS FD dan WISE mesti dibuat pada hari yang sama di cawangan pemegang akaun WISE.

4.3 Jumlah peletakan minimum ialah Ringgit Malaysia lima ribu (RM5,000) manakala jumlah peletakan maksimum tidak boleh melebihi Ringgit Malaysia lima juta (RM5,000,000).

- 4.4 Peletakan deposit mesti dibuat di bawah Kempen ini seperti yang diilustrasikan di bawah:

Jumlah Peletakan	Nisbah PLUS FD : WISE (90 : 10)	
	PLUS FD	WISE <sup>1</sup>
Minimum: RM5,000	RM4,500	RM500
Maksimum RM5,000,000	RM4,500,000	RM500,000

<sup>1</sup> Amaun yang diletakkan dalam WISE akan diuntukkan selama enam (6) bulan dikira dari tarikh peletakan PLUS FD.

- 4.5 Peserta yang Layak dibenarkan untuk membuat beberapa peletakan deposit.
- 4.6 Deposit WISE dan peletakan PLUS FD yang dibuat di bawah Kempen ini tidak boleh digunakan untuk kempen lain yang dijalankan serentak dengan Tempoh Kempen ini.
- 4.7 Deposit WISE dan peletakan PLUS FD yang dibuat di bawah Kempen ini mestilah dana baharu. **“Dana baharu”** merujuk dana yang bukannya daripada dana sedia ada yang disimpan dalam akaun deposit Peserta yang Layak sama ada dipegang sendiri atau secara bersama-sama dengan seorang lagi yang dikekalkan dengan PBB atau Public Islamic Bank Berhad (“PIBB”). Peserta yang Layak mesti memaklumkan kepada PBB dan membenarkan PBB untuk melaksanakan peletakan dalam tempoh tujuh (7) hari calendar mulai wang atau dana yang dipindahkan atau dikreditkan dalam WISE.
- 4.8 Dana baharu itu mestilah bebas daripada bebanan dan tidak tertakluk kepada yang berikut:-
- a) apa-apa lien, caj atau peletakhakkan;
  - b) diuntukkan oleh PBB atau PIBB; dan
  - c) digunakan untuk apa-apa kempen atau promosi lain.

4.9 Kadar faedah promosi PLUS FD yang ditawarkan di bawah Kempen ini adalah seperti yang berikut:-

**Untuk tempoh kempen:**

- **Dari 1 Disember 2020 hingga 14 Januari 2021**
- **Dari 25 Januari 2021 hingga 9 Februari 2021**

<b>Tempoh</b>	<b>Kadar faedah promosi PLUS FD (% setahun)</b>	<b>Kadar Efektif<sup>2</sup> (% setahun)</b>
6 bulan	2.28	2.10 hingga 2.22

<sup>2</sup> Kadar Efektif berubah menurut amaun peletakan PLUS FD dan WISE.

*Contoh 1:*

*Peserta yang Layak meletakkan RM4,500 dalam PLUS FD dan RM500 dalam WISE (diuntukkan selama 6 bulan). Kadar efektif ialah 2.22% setahun.*

*Contoh 2:*

*Peserta yang Layak meletakkan RM4,500,000 dalam PLUS FD dan RM500,000 dalam WISE (diuntukkan selama 6 bulan). Kadar efektif ialah 2.10% setahun.*

- **Dari 15 Januari 2021 hingga 24 Januari 2021**

<b>Tempoh</b>	<b>Kadar faedah promosi PLUS FD (% setahun)</b>	<b>Kadar Efektif<sup>2</sup> (% setahun)</b>
6 bulan	2.08	1.92 hingga 2.04

<sup>2</sup> Kadar Efektif berubah menurut amaun peletakan PLUS FD dan WISE.

*Contoh 1:*

*Peserta yang Layak meletakkan RM4,500 dalam PLUS FD dan RM500 dalam WISE (diuntukkan selama 6 bulan). Kadar efektif ialah 2.04% setahun.*

*Contoh 2:*

*Peserta yang Layak meletakkan RM4,500,000 dalam PLUS FD dan RM500,000 dalam WISE (diuntukkan selama 6 bulan). Kadar efektif ialah 1.92% setahun.*

- **Dari 10 Februari 2021 hingga 31 Mac 2021**

<b>Tempoh</b>	<b>Kadar faedah promosi PLUS FD (% setahun)</b>	<b>Kadar Efektif <sup>2</sup> (% setahun)</b>
6 bulan	2.28	2.10 hingga 2.20

<sup>2</sup> Kadar Efektif berubah menurut amaun peletakan PLUS FD dan WISE.

*Contoh 1:*

*Peserta yang Layak meletakkan RM4,500 dalam PLUS FD dan RM500 dalam WISE (diuntukkan selama 6 bulan). Kadar efektif ialah 2.20% setahun.*

*Contoh 2:*

*Peserta yang Layak meletakkan RM4,500,000 dalam PLUS FD dan RM500,000 dalam WISE (diuntukkan selama 6 bulan). Kadar efektif ialah 2.10% setahun.*

- 4.10 Peletakan PLUS FD hanyalah untuk 6 bulan sahaja. Kadar faedah promosi hanya diterima pakai untuk satu (1) kitaran sahaja. PLUS FD akan diperbaharui secara automatik bagi tempoh 6 bulan pada kadar faedah kaunter semasa PBB dan Peserta yang Layak boleh memilih untuk faedah PLUS FD ditambah pada amaun pokok atau dikreditkan dalam WISE yang ditentukan apabila matang berdasarkan peraturan pengoperasian biasa PBB bagi pengkreditan faedah PLUS FD kepada WISE.
- 4.11 Faedah dikira berdasarkan bilangan hari sebenar.
- 4.12 Sekiranya amaun deposit yang diuntukkan dalam WISE dikeluarkan atau dilepaskan sebelum berakhirnya tempoh untukan bagi apa-apa juga sebab, Peserta yang Layak dikehendaki mengeluarkan PLUS FD pada hari yang sama walaupun PLUS FD itu belum matang. Dalam hal ini Peserta yang Layak tidak layak untuk mendapat apa-apa faedah.
- 4.13 **Sekiranya peletakan deposit di bawah PLUS FD dikeluarkan sebelum kematangan:-**
- a) Peserta yang Layak tidak layak untuk mendapat apa-apa faedah; dan
  - b) amaun deposit yang diuntukkan dalam WISE akan dikeluarkan serentak.
- 4.14 Pengeluaran sebahagian peletakan PLUS FD **tidak** dibenarkan.

4.15 Semua arahan bagi pengeluaran peletakan PLUS FD mesti dibuat dengan memberi arahan bertulis yang jelas dan tepat dan ditandatangani dengan sewajarnya oleh pemegang akaun PLUS FD. PBB berhak untuk menolak / mengelak daripada melaksanakan arahan tersebut sekiranya tandatangan pada dokumen seumpama itu, pada pandangan PBB, berbeza daripada tandatangan contoh dalam sistem PBB, mengikut keadaan. Semua pindaan dalam arahan tersebut hendaklah disahkan dengan tandatangan seperti mana tandatangan contoh dalam sistem PBB.

## 5. Rebat tunai untuk Produk Insurans yang Layak

5.1 Peserta yang layak layak untuk mendapat rebat tunai untuk premium tahun pertama dengan mendaftar bagi Produk Insurans yang Layak berkenaan dengan premium tahunan minimum yang berikut:-

<b>Produk Insurans yang Layak</b>	<b>Premium Tahunan Minimum (RM)</b>	<b>Jenis Pembayaran</b>
empower 2	2,000	Tahunan
empower Edu 2	2,000	
PB Max Advantage	5,000	

5.2 Rebat tunai yang ditawarkan adalah seperti yang berikut:

<b>Premium Tahunan</b>	<b>Rebat Tunai (RM)</b>	
	<b>Polisi Pertama</b>	<b>Polisi Berikutnya</b>
Kurang daripada RM5,000	88	118
RM5,000 dan ke atas	118	148

5.3 Orang yang diinsured bagi Produk Insurans yang Layak dan Kanak-kanak yang memegang WISE mestilah orang yang sama.

5.4 Produk Insurans yang Layak mesti dikemukakan semasa Tempoh Kempen dan diluluskan oleh AIA tidak lebih daripada 30 April 2021.

5.5 Peserta yang Layak layak untuk maksimum tiga (3) rebat tunai di bawah Kempen ini.

5.6 Rebat tunai tidak boleh dipindahkan, tidak boleh dirundingi dan tidak boleh ditukar dengan hadiah, kredit atau barang, sebahagian atau sepenuhnya.

5.7 Rebat tunai akan dikreditkan dalam WISE yang ditetapkan oleh Peserta yang Layak dalam tempoh tiga (3) bulan selepas Tempoh Kempen.

5.8 Sekiranya berlaku keadaan yang berikut, Peserta yang Layak tidak layak untuk mendapat rebat tunai:-

- a) WISE telah ditutup sebelum pengkreditan rebat tunai; dan/atau
- b) polisi pertama dan/atau polisi berikutnya dibatalkan dalam “tempoh percubaan” polisi berkenaan, atau untuk menggantikan polisi AIA sedia ada semasa Tempoh Kempen.

Tempoh percubaan merujuk tempoh selama lima belas (15) hari bermula pada tarikh penerimaan dokumen polisi oleh Peserta yang Layak sama ada dalam salinan keras atau e-Polisi berkaitan dengan Produk Insurans yang Layak.

## **6. Terma dan Syarat Am**

- 6.1 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak bersetuju untuk mematuhi terma dan syarat ini, terma dan syarat yang mengawal Produk yang Layak (termasuk apa-apa pindaan, perubahan dan/atau semakan semula terma dan syarat berkenaan). Sekiranya terdapat percanggahan antara terma dan syarat ini dengan terma dan syarat yang mengawal Produk yang Layak, terma dan syarat ini akan diterima pakai bagi tujuan Kempen ini.
- 6.2 Peserta yang Layak mengaku dan bersetuju bahawa rekod urus niaga yang disenggara oleh PBB dan keputusan PBB berkaitan dengan apa-apa perkara Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas mereka, PBB tidak akan melayani apa-apa rayuan atau surat-menyurat daripada mana-mana Peserta yang Layak.
- 6.3 Peserta yang Layak bersetuju dan memberi keizinan mereka kepada PBB untuk memproses, mengumpul, menggunakan dan menyimpan semua maklumat mereka berkaitan dengan Produk yang Layak bagi tujuan Kempen ini.
- 6.4 PBB tidak akan dipertanggungjawabkan dan/atau bertanggungjawab bagi apa-apa bentuk dan apa sekali pun yang timbul atau dialami oleh Peserta yang Layak dan/atau pihak ketiga yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada Kempen ini, kecuali dibuktikan bahawa ia disebabkan kecuaiian atau salah laku yang disengajakan oleh PBB berkaitan dengan Kempen ini.
- 6.5 PBB tidak akan dipertanggungjawabkan dan/atau bertanggungjawab bagi apa-apa salah tafsiran atau salah gambaran fakta oleh pihak ketiga yang tidak dibenarkan berkaitan dengan Kempen ini.

- 6.6 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang, PBB secara nyata mengecualikan dan menolak apa-apa representasi, waranti atau pengesahan, secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa pengedaran bagi yang disiarkan dalam media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan yang berkaitan dengan Kempen ini.
- 6.7 Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara terma dan syarat ini dengan apa-apa pengiklanan, kempen, promosi, publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan Kempen ini, terma dan syarat Kempen ini akan diterima pakai.
- 6.8 PBB berhak untuk membuat penambahan, memotong atau mengubah terma dan syarat ini, dari semasa ke semasa, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan memberi notis terlebih dahulu melalui laman web PBB, mempamerkan notis di cawangan PBB atau kaedah lain yang akan ditentukan oleh PBB dari semasa ke semasa.
- 6.9 PBB berhak untuk membatalkan, menarik balik, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini sebelum Kempen ini tamat, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan memberi notis terlebih dahulu. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pembatalan, penarikan balik, penggantungan, lanjutan atau penamatan tidak akan melayakkan Peserta yang Layak untuk apa-apa tuntutan atau ganti rugi terhadap PBB bagi mana-mana atau semua kerugian atau ganti rugi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang Layak.
- 6.10 Terma dan syarat ini akan dibaca dan ditafsir menurut undang-undang Malaysia, dan Peserta yang Layak bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah di Malaysia.
- 6.11 Peserta yang Layak boleh membaca Notis Kerahsiaaan PBB yang menyatakan bagaimana PBB menggunakan maklumat mereka melalui [www.pbebank.com](http://www.pbebank.com) atau mana-mana cawangan PBB.

\*\*\*\*\*

Ruang Selebihnya pada Muka Surat ini Sengaja Dibiarkan Kosong

\*\*\*\*\*